

PKR perlu sedia berubah demi kesinambungan pemerintahan

- Transisi daripada parti pembangkang kepada parti kerajaan memerlukan anjakan luar biasa. Menjadi parti pemerintah tidak semudah seperti parti pembangkang yang hanya tahu menabur janji
- PKR perlu memastikan mandat rakyat dapat dilunaskan sebaik mungkin dan tidak alpa dengan nikmat menjadi kerajaan



Profesor Unit Literasi dan Advokasi Politik, Universiti Malaysia Terengganu (ADVOKASI@UMT)

Oleh Prof Dr Mohd Izani Mohd Zain
bhrencana@bh.com.my

Konvensyen 25 Tahun PKR menandakan suatu jangka masa munasabah bagi menilai jatuh bangunnya sesebuah parti politik. Di negara ini, ada parti politik tidak kekal lama dan hilang daripada landskap politik negara.

Namun, PKR berjaya melepasi simpang siur perjalanan politik, iaitu daripada sebuah parti bermula di jalanan, menjadi parti pembangkang dan kini sebagai parti pemerintah.

Bermula sebagai parti memperjuangkan reformasi, termasuk keadilan kepada Presidennya yang kini

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, PKR berusaha membawa dimensi politik baharu berbeza dan menjarakkan diri daripada politik perkauman sempit.

Pendekatan *catch all party* diamalkan PKR membuka penyertaan ahli daripada pelbagai kaum. Ia dianggap suatu kelebihan kepada parti itu tidak hanya memperjuangkan kepentingan kaum tertentu.

Jika disorot dari aspek sejarah, PKR bermula dengan penubuhan Parti Keadilan Nasional atau KeADILan pada April 1999. Namun, selepas penggabungan KeADILan dengan Parti Rakyat Malaysia (PRM) pada 2003, nama baharu PKR digunakan.

Presiden PRM Ketika itu, Dr Syed Husin Ali, berkata penggabungan itu akan membina sebuah parti baharu pelbagai kaum dan memainkan peranan penting di kawasan pengundi campuran pada pilihan raya umum (PRU).

Berdasarkan buku tulisan penulis, *Konflik dan Konsensus dalam Kerjasama Politik*, penubuhan KeADILan pada peringkat awal mendapat kritikan dan menimbulkan rasa kurang senang beberapa pihak.

Antara alasan diketengahkan ialah KeADILan tidak mempunyai dasar jelas seperti PAS dan DAP. Malah, KeADILan didakwa bersifat parti orang kecewa dan bantahan terhadap isu pemecatan Anwar.

Beberapa pihak tertentu meramalkan jangka hayat KeADILan tidak akan bertahan lama kerana ia berkemungkinan akan mengulangi nasib dialami parti serpihan UMNO, iaitu Parti Semangat 46 (S46).

Namun, dakwaan ini ditepis Naib Presiden KeADILan ketika itu, Marina Yusoff apabila menegaskan KeADILan tidak sama dengan S46. Jelas beliau, yang juga bekas Naib Ketua Wanita UMNO, PMS46 adalah parti serpihan UMNO sedangkan KeADILan adalah parti ditubuhkan hasil gerakan rakyat. Malah, beliau percaya KeADILan boleh menjadi wadah baharu kepada bekas ahli S46.

Hakikatnya, jatuh dan bangun sebuah parti politik adalah suatu lumrah. PKR pernah mengalami



“Ketidakeberkesanan parti dalam Kerajaan MADANI akan memberi imej tidak memberangsangkan kepada PKR”

era kejatuhan apabila hanya memenangi satu kerusi Parlimen dalam PRU11 pada 2004.

Kini PKR menjadi parti pemerintah pada peringkat Persekutuan bersama parti politik lain membentuk Kerajaan MADANI seusai PRU15. Transisi daripada parti pembangkang kepada parti kerajaan memerlukan anjakan luar biasa. Menjadi parti pemerintah tidak semudah seperti parti pembangkang yang hanya tahu menabur janji.

Medan terbaik tentukan strategi

Justeru, Konvensyen 25 Tahun PKR berlangsung semalam sewajarnya menjadi medan terbaik kepada parti untuk terus menentukan strategi, sekali gus mengorak langkah bagi tempoh 25 tahun berikutnya.

Usaha PKR memperkenalkan Pemerkasaan Organisasi Parti 25 Tahun (POP25) adalah langkah tepat bagi kesinambungan parti agar terus kukuh dan bertahan dalam persaingan politik di negara.

Di sebalik penganjuran konvensyen, beberapa perkara perlu dilihat secara bersama oleh PKR.

Pertama, PKR perlu membuktikan mampu menjadi parti pemerintah berkesan. Prestasi cemerlang PKR dalam kerajaan akan memberi keyakinan kepada ahli parti dan pengundi untuk terus memberi sokongan.

Bagaimanapun, keupayaan PKR dalam hal ini bergantung kepada prestasi wakil rakyatnya, terutama barisan menteri Kabinet. Tidak dinafikan, ketidakeberkesanan parti dalam Kerajaan MADANI akan memberi imej tidak memberangsangkan kepada PKR.

Dalam konvensyen itu, Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution, mengingatkan ahli parti supaya belajar sejarah kegagalan reformasi digerakkan banyak negara di seluruh dunia selepas mendapat mandat memimpin kerajaan.

Justeru, PKR perlu memastikan mandat rakyat dapat dilunaskan sebaik mungkin dan tidak alpa dengan nikmat menjadi kerajaan.

Kedua, PKR perlu terus kekal menjadi parti berpegang teguh kepada sistem nilai dan reformasi politik dibawa sejak penubuhannya. Ini bermakna kedudukan PKR sebagai parti pemerintah tidak sewajarnya meninggalkan perjuangan yang selama ini dipertahankan apatah lagi mengamalkan pendekatan pilih kasih dan kronisme.

PKR perlu dilihat sebagai parti bersih dan dilihat bersih khususnya dalam suasana politik semasa sentiasa disorot rakyat, terutama warga netizen.

Ketiga, kedudukan sebagai parti pemerintah sewajarnya memberi kelebihan kepada PKR dengan berbekalkan pencapaian mereka sewaktu dalam kerajaan. Namun, faktor itu perlu dibantu dengan strategi dan gerak kerja menghadapi PRU16 akan datang.

Justeru, langkah PKR memperkenalkan Kerangka Kerja Keadilan Menang Siri PRU16 (KEMAS16) akan dapat menyusun atur perancangan parti itu memenangi pilihan raya dengan lebih berkeyakinan.

Seperti diumumkan Timbalan Presiden PKR, Rafizi Ramli, resolusi PKR untuk mengekalkan Anwar sebagai calon Perdana Menteri bagi penggal kedua akan memperkukuhkan kesatuan, sekali gus mengelakkan perpecahan dan memusatkan perhatian semua ahli untuk kemenangan parti dalam pilihan raya.

Pada masa sama, imej Perdana Menteri yang dikatakan diserang bertubi-tubi perlu diatasi dengan strategi pemasaran politik berkesan.

Meskipun konvensyen kali ini banyak memberi tumpuan kepada isu dalaman parti, PKR perlu meneruskan hubungan muhibah dengan parti politik lain dalam kerajaan. Ini termasuk dengan UMNO dalam memperkukuhkan sokongan pengundi Melayu dengan pendekatan politik sederhana melawan politik fitnah dan ekstrem.

Sama seperti parti politik lain, PKR tidak terlepas daripada berhadapan dengan situasi jatuh bangun. Kini PKR sedang diuji sebagai parti pemerintah dan cabarannya bukan suatu yang boleh dipandang rendah.

Meskipun kini menjadi parti kerajaan, perubahan perlu dilakukan demi kesinambungan parti untuk menjamin kemenangan dalam pilihan raya dan menjadi parti pemerintah berkesan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH